



## "TUNTUTAN AMANAH DALAM BEKERJA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ <sup>١</sup> ﴿٤٧﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah sama-sama kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk <b>"TUNTUTAN AMANAH DALAM BEKERJA."</b></p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah Sekalian,</b></p>	6
<p>Seorang muslim hendaklah menjadikan seluruh kehidupannya sebagai ibadah. Ibadah bukan sekadar mendirikan solat, puasa, haji dan sebagainya. Kalau hanya solat dijadikan ibadat, Ia tidak lebih setengah jam sahaja daripada 24 jam sehari. Sedangkan waktu yang paling banyak dihabiskan setiap hari adalah dalam melakukan pekerjaannya.</p>	7

<sup>1</sup> Al-Anfal : 27.



<p>3 syarat utama untuk menjadikan seluruh pekerjaan kita sebagai ibadah adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Niat bekerja hanyalah kerana Allah SWT semata-mata.</li><li>2. Pekerjaan dan cara bekerja mestilah menepati syarak ataupun selari dan tidak bercanggah dengan hukum syarak.</li><li>3. Matlamat bekerja adalah untuk kebaikan, seperti mencari nafkah keluarga dan seumpamanya.</li></ol>	8
<p>Sudah menjadi lumrah, ada pekerja yang kuat dalam ibadahnya tetapi ketika melakukan pekerjaan ada sahaja perlakuan yang boleh membatalkan nilai ibadah dalam pekerjaannya seperti perbuatan maksiat, sering culas dalam menepati masa, tidak menyelesaikan tanggungjawab bahkan ada yang terlibat dengan rasuah dan sebagainya.</p>	9
<p>Maka sifat amanah perlu diterapkan dan dipraktikkan oleh individu yang bekerja, bagi memastikan setiap pekerjaan yang dilakukan menepati kualiti yang diharapkan. Inilah salah satu ciri dan sifat pekerja muslim yang sebenar. Sebaliknya mengabaikan amanah dalam bekerja adalah merupakan suatu pengkhianatan</p>	10
<p>seperti mana larangan keras oleh Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 27 yang dibaca diawal khutbah tadi yang bermaksud:</p> <p><i>“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”</i></p>	11



<p>Dalam ayat ini, Allah SWT telah memberi peringatan kepada hamba-Nya yang beriman supaya tidak mengkhianati amanah yang telah diberikan kerana implikasinya sangat besar. Sedarlah bahawa kepercayaan yang diberikan kepada kita akan dipersoalkan dan seterusnya tercatat sebagai rekod hitam untuk jangka masa yang panjang. Ingatlah bahawa mengkhianati amanah adalah salah sate ciri munafik dalam amalan.</p>	12
<p>Hadis daripada Abu Hurairah Rahiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;</p> <p>آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ</p>	13
<p><i>"Ada tiga tanda munafiq: Apabila bercakap ia berbohong, apabila berjanji ia memungkirinya dan apabila diberi amanah ia khianati".</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari)</i></p>	14
<p>Sebaliknya jika kita menjaga amanah yang diberikan, ia akan mendorong individu melakukan sesuatu kerja dengan lebih tekun dan bersungguh-sungguh. Ia akan mencurahkan seluruh masa, tenaga dan pemikirannya untuk memperolehi hasil kerja yang lebih berkualiti. Segala tuntutan kerja akan dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab dan dedikasi malah kita akan dihormati dan dikenali sebagai Muslim yang baik dan menjadi contoh kepada masyarakat termasuk kepada orang bukan Islam.</p>	15



<p>Cara bekerja seperti inilah yang disukai oleh Allah SWT sebagai mana dalam hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah Radhiallahu'anha bahawa Rasulullah SAW bersabda;</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ</p>	16
<p><i>“Sesungguhnya Allah menyukai apabila seseorang kamu bekerja dengan tekun”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Abi Ya'la).</i></p>	17
<p>Dalam menjaga amanah, beberapa perkara perlu kita titikberatkan seperti menjaga waktu bekerja, ikhlas dalam memberi pandangan, tidak terjebak kepada penyelewengan seperti rasuah, pecah amanah dan juga penyalahgunaan kuasa. Sebaliknya, kita perlulah melakukan pekerjaan dengan sebaik mungkin, menggunakan seluruh keupayaan diri, potensi dan kepakaran yang dimiliki dalam melaksanakan tugas yang diberikan tanpa sebarang pengabaian dan penyelewengan. Perkhidmatan yang disulami sifat takwa dan amanah serta norma-norma Islam adalah rahsia untuk suatu pencapaian yang hebat dan utuh sepanjang zaman.</p>	18
<p>Sejarah telah membuktikan di mana sifat amanah yang ada pada junjungan mulia Nabi Muhammad SAW sehingga digelar sebagai 'Al-Amin', telah menjadikan baginda seorang usahawan yang berjaya ketika beliau berkhidmat bersama Abu Talib dan juga Saidatina Khadijah.</p>	19
<p>Dalam pada itu juga, pengurusan masa adalah penting bagi individu yang diberi amanah. Mereka seharusnya menggunakan sebaik mungkin waktu kerja yang telah ditetapkan dengan cekap dan berkesan. Individu yang mempunyai sifat amanah akan sentiasa menghargai dan menepati masanya. Ia sama sekali tidak akan mengabaikan kualiti kerja yang dilakukan, bahkan ia akan berusaha memperbaiki diri bagi mendepani cabaran masa akan datang.</p>	20



Daripada Abu Hurairah Radhiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda; <i>أَدِّ الْأَمَانََةَ إِلَىٰ مَنِ اتَّمَمْتَهَا وَلَا تَخُنْ مَنْ خَانَكَ</i>	21
<i>"Tunaikanlah amanah kepada orang yang telah menyerahkan amanah (kepercayaan) kepadamu dan jangan engkau khianati orang yang telah mengkhianatimu."</i> <i>(Riwayat Abu Daud dan al-Tirmidzi).</i>	22
Justeru, seorang pekerja wajiblah berusaha bersungguh-sungguh demi menjalankan tanggungjawab serta amanah dan kepercayaan untuk melaksanakan sesuatu tugas dengan memikirkan bahawa hasil daripada pendapatan itulah yang akan menjadi sumber utama rezeki seterusnya membawa kepada punca kebahagiaan untuk diri, keluarga dan juga masyarakat. Mudah-mudahan kita memahami betapa pentingnya sifat amanah dan tanggungjawab dalam pekerjaan yang akan membuahkan hasil yang baik dalam kerjaya dan kehidupan kita.	23
Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin mengajak supaya kita sama-sama dapat mengambil iktibar dan intipati daripada isi khutbah seperti berikut; <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa amanah dalam pekerjaan adalah suatu tuntutan dan akan dihisab di hadapan Allah di akhirat kelak.</li><li>2. Umat Islam hendaklah berusaha memberikan komitmen yang terbaik dalam setiap amanah yang diberikan demi manfaat diri, keluarga dan organisasi.</li><li>3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa rezeki yang halal dan baik berpunca daripada sifat amanah dalam pekerjaan.</li></ol>	24



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى عَلِيمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾</p>	25
<p><i>“Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.”</i></p> <p>(Surah al-Taubah : 105)</p>	26
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	27
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	28



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19.</p>	5
<p>Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.</p>	6
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi S.O.P dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	7
<p>Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhamad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :</p>	8



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	11
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	12
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،	13
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	14
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج	15
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	16



<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hambaMu yang sentiasa meninggikan kalimah dan AgamaMu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina AgamaMu</p>	18
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينِ اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ</p>	20



	21
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	22
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	23